

Dana BNM untuk PKS: **Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional (*High Tech Facility – National Investment Aspirations*, HTF-NIA)**



Objektif

Membantu PKS teknologi tinggi dan dipacu inovasi serta selaras dengan matlamat pembangunan jangka panjang strategik yang terdapat dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations*, NIAs), yang terjejas. Kemudahan ini bagi memelihara kedudukan daya saing Malaysia dalam rantaian nilai global, mengekalkan ekosistem rantaian penawaran dan melindungi pekerjaan berkemahiran tinggi

Ciri-ciri Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional* (HTF-NIA)

Kriteria kelayakan

PKS** Malaysia yang berdaya maju dalam subsektor yang berikut:

- Dalam subsektor perkilangan dan perkhidmatan yang mempunyai skor yang tinggi dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA):
 - i. Keluaran Elektrik and Elektronik (E&E);
 - ii. Bahan kimia (termasuk farmaseutikal dan petroleum bertapis);
 - iii. Peralatan Optikal & Saintifik dan Peralatan Perubatan;
 - iv. Jentera dan Peralatan (termasuk Robotik, Dron, dan Industri Teknologi 4.0);
 - v. Kelengkapan pengangkutan meliputi aeroangkasa, pengilang kenderaan dan komponen yang terlibat dalam rantaian penawaran global atau peralihan ke arah mobiliti masa depan dan teknologi hijau;
 - vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); dan
 - vii. Khidmat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).
- Peserta projek PKS dalam program penting Kerajaan yang terlibat dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi untuk teknologi yang diberi keutamaan dalam rangka tindakan kebangsaan (national blueprint) daripada teknologi berkaitan IR4.0, teknologi hijau dan bioteknologi

Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF), Pembiayaan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing*, PTF) dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (*Targeted Relief and Recovery Facility*, TRRF) layak memohon HTF-NIA untuk tujuan pembiayaan perbelanjaan modal sahaja

Tujuan pembiayaan

- Modal kerja; dan/atau
- Perbelanjaan modal (Capital Expenditure-CAPEX)

Saiz pembiayaan

- Sehingga RM1 juta bagi setiap PKS untuk tujuan modal kerja; atau
- Sehingga RM5 juta bagi setiap PKS untuk tujuan CAPEX atau gabungan modal kerja dan CAPEX

Kadar faedah pembiayaan untuk PKS

- Sehingga 3.5% setahun untuk pembiayaan tanpa jaminan; atau
- Sehingga 5% setahun, termasuk yuran jaminan

Tempoh

Sehingga 7 tahun

Prosedur permohonan

Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.

Tempoh tamat permohonan

Sehingga 31 Disember 2021 atau peruntukan habis digunakan (mana yang lebih awal)

* Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) merujuk objektif pembangunan strategik yang menyeluruh untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluas hubungan industri dalam negeri dan mengembangkan kluster baru dan yang sedia ada. Keterangan lanjut tentang NIA boleh didapati dalam artikel "Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti" dalam penerbitan Tinjauan Ekonomi dan Kewangan BNM 2019 (muka surat 47-48) di www.bnm.gov.my/ar2019/files/emr2019_bm_box1.pdf

** Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Untuk
maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta
Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

www.bnm.gov.my/covid19

BNM eLINK: <https://telelink.bnm.gov.my>

Inisiatif:

Penyedia jaminan kredit:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

